



جِبَاتُ خَيْرِ الْعَالَمِ الْإِسْلَامِ كِتَابَةٌ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27 RAMADAN 1443H / 29 APRIL 2022M

### TAATI PERINTAH ALLAH TUNAIKAN ZAKAT FITRAH

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)  
Dengan Kerjasama  
Bahagian Zakat & Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : .....

PEGAWAI PENYEMAK : .....

ADAM BIN ABDUL HAJ  
Unit Baitul Hikmah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 26/4/22

DIBACA PADA : 29/4/22

DILULUSKAN OLEH : .....

BAHARUDIN HJ. ALWI  
Ketua Pagar Perintah  
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



## KHUTBAH PERTAMA

### TAATI PERINTAH ALLAH TUNAIKAN ZAKAT FITRAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ

وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ.

#### **SIDANG JUMAAT YANG DI RAHMATI ALLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa seterusnya melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Semoga dengan ibadah yang yang kita laksanakan akan dapat meningkatkan tahap keimanan kita, memperkasakan benteng ketahanan hati kita serta meninggikan darjat kita di sisi Allah SWT. Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“TAATI PERINTAH ALLAH, TUNAIKAN ZAKAT FITRAH”**.

#### **SIDANG JUMAAT YANG DI KASIHI ALLAH,**

Walaupun telah diketahui umum bahawa zakat adalah salah satu rukun Islam dan merupakan ibadah, tetapi sebenarnya ia lebih daripada itu. Zakat adalah satu sistem kehartaan dan ekonomi yang menjamin keadilan sosial dan mengharmonisasikan sebuah masyarakat. Zakat bukan saja menghalang pembekuan harta malah, menggalakkan harta kekayaan itu beredar di kalangan anggota masyarakat dalam persekitaran ekonomi yang sihat.

Fenomena orang yang berada menyempurnakan keperluan orang yang tidak berkemampuan, saling menghormati dan berkasih sayang dikalangan anggota masyarakat tanpa halangan darjat dan keturunan adalah manifestasi penghayatan ibadah zakat dan cerminan pengurusan dana zakat yang cekap lagi berkesan.

### **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Menurut para Ulama **Ahli Sunnah Wal-Jamaah**, zakat terbahagi kepada dua bahagian iaitu **zakat Maliah** dan **Badaniah**. Zakat Badaniah atau Fitrah ialah zakat diri yang difardukan dengan kadar satu gantang Baghdad makanan asasi lagi mengenyangkan bagi penduduk sesebuah negeri bersamaan 2.7 kg. Kefarduan ini berlaku ke atas orang-orang Islam lelaki dan perempuan, hamba sahaya atau merdeka dengan syarat-syarat berikut:

1. *Masih hidup di kala matahari terbenam di hari akhir bulan Ramadan atau meninggal dunia selepas terbenam matahari pada hari akhir bulan Ramadan;*
2. *Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari;*
3. *Mempunyai sesuatu (makanan/ harta/ wang) yang lebih daripada keperluannya dan orang-orang yang disarainya untuk satu hari dan satu malam (Yakni Raya Aidilfitri) dan;*
4. *Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada hari akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya.*

Para ulama juga telah menjelaskan kefarduan waktu mengeluarkan zakat fitrah seperti berikut:

- **Waktu Wajib** iaitu di kala terbenam matahari di hari akhir bulan Ramadan,
- **Waktu Afdal** iaitu selepas terbit fajar dan sebelum solat sunat Aidilfitri hari raya pertama (1 Syawal),
- **Waktu Sunat** iaitu sepanjang bulan Ramadan,
- **Waktu Makruh** iaitu selepas solat hari raya Aidilfitri sehingga terbenam matahari 1 Syawal, dan
- **Waktu Haram** iaitu selepas terbenam matahari 1 Syawal.



Perkara ini selari dengan sabda Rasulullah SAW:

**Maksudnya:** *“Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat Fitrah sebanyak satu sha’ kurma atau gandum atas orang islam baik hamba dan orang yang merdeka, lelaki dan wanita, kanak-kanak dan orang dewasa, baginda memberitahukan agar zakat Fitrah ditunaikan sebelum berangkat (ke masjid) bagi menunaikan Solat Sunat Aidilfitri”.* [**Sahih Bukhari (1503)**]

#### **SIDANG JUMAAT YANG DISAYANGI ALLAH,**

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang bertarikh 21 November 2006 telah memutuskan bahawa mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (‘Amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak. Namun, perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa. Sejalan dengan Enakmen Zakat Dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993 Seksyen 61 (kurungan satu) yang memperuntukkan:

- a) Mana-mana orang dengan sengaja enggan membayar zakat atau fitrah yang bertanggung ke atasnya untuk membayar, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan hukuman dengan tidak melebihi empat ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.
  
- b) Mahkamah Syariah, boleh memerintah supaya zakat dan fitrah itu dijelaskan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Manakala Seksyen 67 (kurungan satu) menegaskan mana-mana orang yang sebagai tidak dibenarkan Enakmen ini (yakni Pemungutan Zakat atau ‘amil tanpa kebenaran) atau cuba memungut Zakat atau Penalti di bawah Enakmen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

## **MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Tujuan pensyariaan zakat fitrah telah dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud yang diberitakan oleh Ibn 'Abbas R.A katanya:

**Maksudnya:** *“Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah (pada bulan Ramadan) untuk menyucikan bagi orang yang berpuasa daripada segala perbuatan lagha (keji) dan perkataan yang buruk (yang dilakukan ketika sedang berpuasa) dan untuk dijadikan makanan bagi orang-orang yang miskin...” [Sunan Abu Daud (1609)]*

Daripada hadis ini jugalah dapat disimpulkan bahawa; pelaksanaan ibadah zakat khususnya Zakat Fitrah adalah salah satu ibadah yang bukan hanya sekadar ibadah yang ditunaikan disebabkan kewajipan sebagai individu Islam untuk mengerjakannya, bahkan ianya juga merupakan salah satu manifestasi kebersamaan dalam berkongsi rezeki sesama makhluk Allah di muka bumi ini.

Justeru, mimbar sekali lagi ingin menyeru sidang Jemaah dan umat islam sekalian untuk bersama-sama menunaikan ibadah zakat fitrah melalui wakil 'amil yang sah yang telah dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) melalui Bahagian Zakat dan Fitrah. Semoga harta zakat yang ditunaikan dapat membantu dalam melepaskan golongan asnaf daripada belenggu kemiskinan. Juga didoakan buat pembayar zakat agar beroleh keberkatan dalam rezeki yang dianugerahkan dan mendapat kejayaan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Mari kita renungi firman Allah SWT di dalam Surah al-A'ala' ayat 14-15:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى ﴿١٤﴾ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى ﴿١٥﴾

**Maksudnya:** *“Sesungguhnya berjayalah orang yang berusaha membersihkan dirinya (dengan menunaikan zakat fitrah). Dan menyebut-nyebut dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang (dengan khusyuk).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## تيك س خطبة كدوا

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُم بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُم بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوك بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ أَكُوغْ وَفَحَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai *Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Ghafur* (بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ)

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, berpuasa di bulan Ramadan, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah  
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS  
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.